



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	PDRM			

### Polis kawal pintu masuk ke kebun haram

**RAUB** - Polis mengetatkan kawalan di laluan keluar masuk kawasan kebun haram durian musang king di sekitar Hutan Simpan Kekal Batu Talan di sini pada Rabu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Raub, Deputy Superintendan Nasir Ismail berkata, sebelum ini, pihaknya mendapati orang ramai atau pekebun haram dikesan memasuki kawasan itu.

"Keadaan terkini di lokasi itu terkawal. Hanya individu yang memiliki geran tanah berhampiran lokasi itu dibenarkan masuk ke kebun masing-masing," ujarnya.

Nasir berkata, terdapat lapan pos kawalan di kawasan itu bagi memantau keselamatan pasukan operasi memusnahkan kebun haram durian musang king di kawasan berkenaan.

"Pasukan Gerakan Am (PGA) telah berada di kawasan itu bagi menjaga ketenteraman awam berikutan kecohhan membabitkan

pekebun durian.

"Orang ramai dinasihatkan jangan melakukan provokasi berkaitan isu ini," kata Nasir.

Sementara itu, Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf berkata, jumlah anggota dan pegawai PGA setakat ini mencukupi untuk mengawal keadaan di kawasan itu.

"Namun sekiranya ada ancaman baru, kami akan menambah kekuatan di sana dan pasukan PGA sentiasa bersedia untuk tujuan tersebut," katanya.

Pada Isnin, Mahkamah Majistret Raub membenarkan 18 pekebun durian haram musang king direman selama dua hari hingga Selasa untuk siasatan lanjut.

Semua mereka ditahan Ahad lalu, selepas melakukan beberapa provokasi terhadap kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) yang menjalankan operasi penguatkuasaan di hutan simpan tersebut.



Anggota polis melakukan pemeriksaan semua ahli ke kebun masuk di pintu depan kebun haram di Batu Talan, Raub pada Rabu.